

## ORIGINAL ARTICLE

**PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENULISAN  
KARANGAN BERDASARKAN GAMBAR BERSIRI  
DALAM KURIKULUM PENDIDIKAN SEKOLAH  
RENDAH DI SINGAPURA****TEACHING AND LEARNING OF PICTURE-BASED  
COMPOSITION WRITING IN PRIMARY SCHOOL  
CURRICULUM IN SINGAPORE**

**Mohamed Noh Daipi**<sup>1</sup>  
**Fadilah Isnin**<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Pengarah Pusat Bahasa Melayu Singapura, Akademi Guru Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura / Director Malay Language Centre of Singapore, Malay Language Centre of Singapore, Academy of Singapore Teachers, Ministry of Education Singapore.

Email: [mohamed\\_noh\\_daipi@schools.gov.sg](mailto:mohamed_noh_daipi@schools.gov.sg)

<sup>2</sup> Pengetua Guru Pakar, Bahasa Melayu, Pusat Bahasa Melayu Singapura, Akademi Guru Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura / Principal Master Teacher, Malay Language, Malay Language Centre of Singapore, Academy of Singapore Teachers, Ministry of Education Singapore. Email: [fadilah\\_isnin@schools.gov.sg](mailto:fadilah_isnin@schools.gov.sg)

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/62>

**Abstrak**

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah antara lain menekankan kepentingan pengajaran dan pembelajaran (PdP) penulisan karangan sejak Darjah 1 (Tahun 1, T1). Penulisan Karangan Berdasarkan Gambar Bersiri (PKBGB) diperkenalkan pada peringkat Tahun 3 (T3). Berdasarkan maklum balas guru, sumber PdP gambar bersiri bagi PKBGB yang terdapat dalam bahan-bahan PdP terbitan Kementerian Pendidikan, Pakej CEKAP dan MEKAR, tidak mencukupi bagi membina kemahiran tersebut dalam kalangan murid walaupun PKBGB diuji dalam peperiksaan akhir tahun di sekolah-sekolah bermula dari T3. Guru-guru juga menghadapi masalah untuk mendapatkan gambar bersiri (GB) yang bersesuaian dengan topik-topik unit yang terdapat dalam kedua-dua pakej PdP tersebut. Guru juga memerlukan masa yang lebih lama untuk menyediakan sendiri GB yang berkaitan dengan topik. Terdapat juga persoalan mengenai kesahihan ujian apabila guru menggunakan semula GB yang dibeli daripada vendor bagi ujian dan peperiksaan berasaskan sekolah untuk peringkat yang berlainan. Selain itu, guru juga menghadapi cabaran dalam menjalankan PdP secara berkesan terutamanya untuk murid-murid T3 kerana terdapat jurang besar antara kemahiran yang diajarkan kepada murid-murid T2 dan T3. Berdasarkan keperluan ini, Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS) telah mengambil inisiatif menyediakan Pakej PKBGB untuk menyokong PdP berdasarkan keperluan kurikulum. Sejauh ini, seramai 126 guru telah dilatih menggunakan bahan ini dan mereka telah menjalankan uji coba di

sekolah masing-masing. Berdasarkan sesi uji coba bahan yang dijalankan oleh 97 guru responden, kesemua guru melaporkan sangat setuju bahan yang disediakan selaras dengan topik dalam Pakej CEKAP dan MEKAR. Semua guru juga menyatakan mereka dapat menjalankan PdP dengan lebih berkesan melalui strategi yang disarankan. Oleh itu, bahan PKBGB yang selaras dengan kandungan kurikulum dan disokong dengan strategi yang berkesan penting bagi memastikan pencapaian hasil pembelajaran dalam kalangan murid.

**Kata Kunci:** penulisan, karangan bergambar, sukatan pelajaran, kurikulum, sekolah rendah

### Abstract

The primary school Malay Language syllabus emphasises on the teaching and learning (T&L) of writing skills since Primary 1 (P1). The picture-based composition writing (PbCW) was introduced at P3. Based on teachers' feedback, the the resources for T&L of PbCW found in the CEKAP and MEKAR packages, published by the Ministry of Education, are not sufficient to develop composition writing skills among pupils even though PbCW was tested in end-of-year-examinations in schools. Teachers also faced problems to source for the appropriate picture-series that are aligned with the topics available in both packages. In addition, teachers also need more time to produce picture-series that are related to the topics. These problems raised the issue of validity of the school-based examinations when teachers re-use the picture-series resources purchased from external vendors. Teachers also face challenges in implementing T&L effectively, especially for P3 pupils because there is a huge gap between the skills taught in P2 and P3 classes. Based on these needs, the Malay Language Centre of Singapore (MLCS) took initiatives to produce the PbCW Package to support T&L that are aligned with curriculum requirements. To date, 126 teachers have been trained to use the resources and trialled them in their respective schools. Based on the trialling exercise conducted by 97 respondents, all of them reported strongly agree that the resources provided are aligned with topic of units available in CEKAP and MEKAR packages. All respondents stated that they were able to implement the suggested T&L more effectively based on the recommended strategies. Hence, the PbCW resources that are aligned with curriculum content and well supported by effective strategies are important to ensure pupils' learning are enriched and enhanced.

**Keywords:** writing, picture composition, syllabus, curriculum, primary school

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 11<sup>th</sup> November 2019, revised 10<sup>th</sup> January 2020, accepted 20<sup>th</sup> January 2020

### Pengenalan

Kemahiran menulis merupakan kemahiran bahasa yang kompleks dan merupakan tugas mencabar bagi guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) di bilik darjah. Menulis karangan merupakan aktiviti yang memerlukan pengetahuan bahasa dan pengalaman yang meluas bagi

menghasilkan sesuatu karya itu dengan baik. Oleh itu, ketrampilan menulis patut dikembangkan dari peringkat sekolah rendah. Murid-murid harus diajarkan proses penulisan dan diberikan pendedahan kepada pelbagai jenis penulisan. Mengajar murid teknik penulisan yang tertentu dapat meningkatkan kemahiran menulis murid di samping memastikan penggunaan bahasa yang betul. Namun, isu yang sering menjadi keprihatinan guru ialah murid yang sudah mengikuti persekolahan selama enam tahun masih tidak dapat menguasai kemahiran menulis walaupun pada peringkat asas (Siti Hajar, 2009)<sup>1</sup>. Terdapat beberapa perkara yang menyebabkan murid tidak dapat menguasai kemahiran menulis. Antara lain, murid didapati mempunyai kesukaran untuk menyusun idea dengan baik, pengetahuan kosa kata dan tatabahasa yang terbatas dan mereka tidak berminat dalam penulisan. Selain itu, penguasaan kemahiran menulis tidak hanya bergantung pada sikap dan kebolehan murid tetapi juga aspek keberkesanan proses PdP penulisan karangan itu sendiri (Ahmad Khair, 2005)<sup>2</sup>. Dengan kata lain, faktor pedagogi juga menjadi elemen utama bagi membina kemahiran menulis murid-murid.

Sehubungan dengan itu, Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Singapura (2015)<sup>3</sup> bagi sekolah rendah memberi penekanan pada penulisan karangan sejak T1 lagi. Pada akhir persekolahan sekolah rendah, murid disasarkan dapat menulis teks mengenai pelbagai topik yang berkaitan dengan diri, keluarga, sekolah dan masyarakat. Bagi memberikan pendedahan kepada kemahiran menulis bagi murid T1 dan T2, gambar tunggal digunakan sebagai rangsangan untuk mereka menulis. Pada peringkat ini, hanya satu gambar digunakan bagi memberikan pendedahan pada kemahiran menulis. Frey and Fisher (2008); Abduk Rashid dan Norhayat, (2005)<sup>4,5</sup>, menjelaskan gambar yang digunakan dapat merangsang minat murid kerana gambar ini berkaitan dengan lingkungan pengalaman murid dalam kehidupan seharian mereka. Gambar juga dapat membantu mereka mengingat peristiwa berkaitan yang dipamerkan dalam gambar tersebut. Tambahan pula, menggunakan gambar sebagai bahan stimulus berguna untuk membina literasi visual dalam kalangan murid dan ia sejajar dengan keperluan kemahiran Abad ke-21.

Pada peringkat T3 dan T4 murid pula, empat gambar bersiri digunakan dan pada peringkat T5 dan T6, murid diberikan 5 gambar bersiri dengan satu petak kosong sebagai penutup karangan secara bebas. Dalam proses penulisan karangan ini, murid belajar bagaimana mengumpulkan fakta yang relevan, membina perenggan, latar, watak dan plot cerita. Mereka juga dikehendaki menggunakan pengetahuan kosa kata dan tatabahasa dalam penulisan mereka. Selain itu, murid juga belajar membaca dan mengedit hasil kerja mereka melalui proses penambahbaikan. Dalam proses ini, murid diharapkan dapat menulis karangan naratif dengan baik dan menerapkan pengetahuan tatabahasa mereka. Oleh itu, guru harus menggunakan sumber yang bersesuaian, selaras dengan sukatan pelajaran dan disokong dengan strategi yang akan meningkatkan dan menggalakkan minat murid menulis.

### **Penyataan Masalah**

Murid-murid dikehendaki menulis karangan berdasarkan gambar bersiri yang diperkenalkan pada peringkat T3. Pada peringkat ini murid dikehendaki menulis karangan berdasarkan empat gambar bersiri. Jika diteliti, didapati terdapat jurang dalam pembelajaran murid kerana pada peringkat T2 murid dikehendaki melengkapkan ayat dengan lima kosa kata berbanding dengan T3, murid dikehendaki menulis 60 patah perkataan berdasarkan gambar bersiri. Ini menjadi cabaran utama bagi guru untuk membimbing murid menulis bukan hanya dengan menggunakan 60 patah perkataan, malah membina cerita secara kreatif menggunakan ayat yang gramatis. Hal ini perlu

dirancang dan dilaksanakan dengan berkesan, jika tidak murid akan menghadapi masalah menghasilkan karangan apabila berada di peringkat rendah atas, iaitu pada peringkat T4 hingga T6. Pada peringkat ini, murid dikehendaki menulis karangan dengan menyerlahkan elemen naratif, permulaan karangan yang menarik, penulisan plot yang baik dan penggunaan tatabahasa yang betul. Hal ini merupakan cabaran utama guru hadapi bagi memastikan strategi pengajaran yang digunakan dapat membantu murid menghasilkan penulisan yang baik. Menurut Che Zanariah dan Fadzilah (2011)<sup>6</sup> mengajar menggunakan kaedah yang betul dan berkesan menjadi faktor peningkatan pencapaian murid dalam penulisan. Murid menghadapi masalah untuk memulakan proses menulis karangan apabila kekurangan idea dan menjadikan karangan yang ditulis tidak bermutu.

Selain itu, guru mendapati bahan yang terdapat dalam Pakej CEKAP<sup>7</sup> dan MEKAR<sup>8</sup> tidak mencukupi bagi membantu murid membina kemahiran menulis. Ini tidak hanya melibatkan bahan T3 malah bagi T4, 5 dan 6 juga. Guru juga menghadapi cabaran untuk mendapatkan gambar bersiri yang selaras dengan topik unit yang terdapat dalam pakej buku teks. Untuk mengatasi masalah ini guru membeli bahan yang dihasilkan oleh pihak vendor swasta. Namun, bahan-bahan ini tidak selaras dengan topik yang diajarkan. Hal ini menyebabkan murid tidak dapat menggunakan pengetahuan bahasa yang dipelajari bagi topik tertentu dalam penulisan karangan mereka. Misalnya, kosa kata yang didedahkan dalam sesuatu unit itu tidak menjana pengetahuan bahasa untuk murid menulis tentang gambar bersiri yang diberikan. Bersabit daripada hal tersebut, timbul pula keprihatinan mengenai kesahihan kertas peperiksaan apabila guru menggunakan semula bahan yang dibeli daripada vendor swasta untuk tujuan peperiksaan. Kadangkala guru terpaksa menggunakan gambar bersiri yang sama bagi ujian atau peperiksaan peringkat yang berlainan. Perbincangan lanjut mengenai keprihatinan dan usaha Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS) akan dibincangkan dalam bahagian seterusnya.

## **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini seperti yang berikut:

1. Meneliti bahan karangan gambar bersiri yang terdapat dalam pakej CEKAP dan MEKAR;
2. Mengenal pasti cabaran guru dalam melaksanakan pengajaran penulisan karangan berdasarkan gambar bersiri;
3. Mengutarakan pelaksanaan usaha intervensi bagi pembinaan dan penggunaan bahan pengajaran penulisan karangan berdasarkan gambar bersiri yang berkesan; dan
4. Menambah baik penulisan karangan naratif murid.

## **Kajian Lepas**

Menulis karangan merupakan kemahiran yang memerlukan murid untuk memahami tajuk atau gambar sebagai stimulus. Untuk membina isi karangan yang baik, murid dibimbing untuk mengadun maklumat demi membina cerita, plot, watak dan persekitaran dalam karangan. Perkara ini dapat dilakukan dengan lebih berjaya jika murid dapat mengaitkan pengalaman sedia ada mereka dalam lingkungan dan kehidupan dengan apa yang mereka mahu tuliskan dalam karangan.

Ann Raimés (1983) dalam bukunya “*Techniques in Teaching Writing*”<sup>9</sup> berpendapat menulis membantu murid kita belajar. Bagaimanakah ini dilakukan? Menurut beliau, pertama, menulis mengukuhkan pengetahuan kosa kata dan tatabahasa murid, serta penggunaan peribahasa. Kedua, apabila murid menulis mereka juga meneroka menggunakan bahasa dengan kreatif dan melampaui apa yang mereka telah pelajari. Ketiga, menulis melibatkan mereka mengekspresikan idea untuk mengukuhkan pembelajaran mereka. Menurut Donn Byrne (1988)<sup>10</sup> pula, menulis bukan sesuatu yang diperoleh secara spontan tetapi memerlukan usaha secara sedar yang memerlukan individu mempertimbangkan idea yang hendak diketengahkan melalui penulisan. Selaras dengan hujah Baptise (2011)<sup>11</sup>, penulisan ialah satu proses yang berulang dan melibatkan kemahiran kognitif dan metakognitif untuk menghasilkan satu pencapaian kreatif. Menurutnyanya lagi, guru perlu mendidik murid dalam penulisan kreatif dengan mendorong mereka untuk menulis berdasarkan imaginasi mereka. Ini adalah sebahagian daripada proses kreativiti yang dapat membantu dalam semua komponen penulisan murid.

Seperti apa yang diujahkan oleh Baptise (2011)<sup>11</sup>, Che Zanariah Che Hassan dan Fadzilah dan Rahman (2011)<sup>6</sup> menjelaskan kemahiran menulis merupakan kemahiran kognitif yang kompleks dan menjadi sesi mencabar ketika PdP penulisan dijalankan. Kajian mereka meninjau pendapat guru dan sikap murid terhadap pelaksanaan kemahiran menulis dan strategi yang digunakan. Dapatan kajian mereka jelas menunjukkan terdapat permasalahan dalam PdP kemahiran menulis kerana kurangnya pengetahuan guru untuk membina kemampuan murid menulis secara berperingkat daripada yang mudah kepada yang kompleks. Hal ini turut ditekankan oleh Mariam Md Saad (2011)<sup>12</sup> dalam laporan projek beliau, iaitu kaedah pengajaran menyumbang kepada penulisan yang baik. Beliau telah menggunakan kaedah kata tanya bagi meningkatkan kualiti hasil penulisan karangan murid T5.

Kajian Abdul Rashid dan Norhayat (2005)<sup>5</sup> memberi tumpuan pada penggunaan gambar sebagai stimulus bagi penulisan. Beliau menjelaskan bahawa penggunaan gambar merangsang minat murid kerana biasanya gambar menjelaskan hal-hal seharian yang dilalui oleh murid dalam kehidupan mereka. Selaras juga dengan pandangan Frey dan Fisher (2008)<sup>4</sup> yang menegaskan bahawa penggunaan gambar atau ilustrasi membantu murid mengingat setiap peristiwa yang dipamerkan dalam gambar tersebut. Ann Raimés (1983)<sup>7</sup> juga berpendapat penggunaan gambar bersiri memberikan banyak panduan bagi menghasilkan karangan naratif. Penggunaan gambar membantu murid memikirkan kosa kata, membina ayat mengikut susunan cerita, menggunakan dialog dan memberikan tumpuan bagi kandungan penulisan mereka. Murid juga belajar membina kaitan antara gambar untuk menghasilkan satu karangan naratif.

Haris Fadzillah (2002)<sup>13</sup> menegaskan dalam kajian kes yang dijalankan menunjukkan permasalahan penulisan karangan murid juga berpunca daripada gaya pengajaran guru. Faktor pengajaran dengan pedagogi dan teknik pengajaran mempengaruhi penulisan karangan murid. Hal ini disokong oleh Noor Azizah (2006)<sup>14</sup> yang mengatakan pelbagai pendekatan pengajaran dan pembelajaran boleh digunakan untuk mencapai objektif pelajaran. Penggunaan bahan rangsangan tanpa teknik yang berkesan tidak akan mendorong murid menghasilkan karya yang baik.

Dalam proses penulisan, gaya bahasa turut ditekankan bagi memberikan impak kepada pembaca. Gaya bahasa yang indah dapat menambah nilai pada mutu penulisan murid. Seperti yang dijelaskan dalam kajian yang dijalankan oleh Nuraisah Mahmood dan Sanisah Rahim (2014)<sup>15</sup> penggunaan bahasa figuratif dapat meningkatkan penulisan karangan naratif. Dapatan kajian mereka menunjukkan, melalui kajian pengajaran yang dijalankan, kajian ini membantu guru

meningkatkan pengajaran mereka dan menambah nilai penggunaan bahasa figuratif dalam karangan murid T4. Kajian yang dijalankan oleh Salinah Rahman dan Mohamad Fazlon Abdul Wahab (2016)<sup>16</sup> juga menegaskan penggunaan bahasa figuratif, iaitu metafora dalam melaksanakan PdP di bilik darjah bagi murid T5. Dapatan kajian mereka bertujuan untuk meningkatkan penggunaan bahasa figuratif dalam karangan murid. Atas usaha ini, dapatan kajian mereka menunjukkan ayat-ayat yang terdapat dalam karangan murid lebih menarik dan bermutu dari segi bahasa dan kosa kata.

Berdasarkan sorotan kajian lepas ini, jelas menunjukkan bahan, strategi dan pengetahuan guru menyumbang kepada penulisan karangan murid yang lebih bermutu. Kertas ini selanjutnya akan membincangkan penelitian terhadap bahan, pengetahuan pedagogi dan usaha intervensi MLCS bagi meningkatkan pedagogi guru demi mengembangkan keupayaan murid menulis karangan.

## **Metodologi Kajian**

### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini berbentuk kajian tindakan yang menggunakan analisis kuantitatif dan kualitatif. Kajian ini menjalankan dua proses tinjauan, iaitu praintervensi dan pascaintervensi. Tinjauan praintervensi melibatkan tinjauan terhadap bahan PdP yang terdapat dalam Pakej CEKAP dan MEKAR, soal selidik mengenai persepsi guru mengenai bahan dan cabaran guru dalam melaksanakan PdP penulisan karangan. Analisis data praintervensi dilakukan untuk mendapatkan input sebelum pascaintervensi dijalankan. Berdasarkan dapatan praintervensi, usaha intervensi dijalankan. Usaha intervensi melibatkan pembinaan bahan Pakej PKBGB yang selaras dengan topik PdP pakej CEKAP dan MEKAR. Selain itu, pakej ini juga memuatkan strategi pengajaran dan proses penulisan untuk murid serta aspek penilaian turut diambil kira. Alat penilaian seperti senarai semak, rubrik dan cara membuat anotasi teks turut dibina untuk kegunaan guru. Seterusnya uji cuba bahan dilakukan bagi meneliti keberkesanan bahan dan strategi yang disarankan. Dapatan daripada uji cuba kemudian ditambah nilai untuk pelaksanaan kursus bagi guru. Maklum balas guru yang menghadiri kursus akan juga dianalisis. Proses seterusnya melibatkan pengumpulan data pascaintervensi selepas guru melaksanakannya di sekolah.

### **Pelaksanaan Intervensi**

Pelaksanaan intervensi melibatkan proses PdP sebanyak dua kitaran. Setiap kitaran mengambil kira tiga proses penulisan, iaitu peringkat prapenulisan, semasa menulis dan pascapenulisan. Pelaksanaan proses PdP ini menerapkan Kaedah Pengajaran Secara Eksplisit yang diutarakan oleh Rosenshine (1997)<sup>17</sup>. Menurut Rosenshine pengajaran secara eksplisit merupakan kaedah pengajaran yang berstruktur, sistematik dan melibatkan pengajaran yang menekankan penguasaan kemahiran dan pengetahuan bahasa melalui penyertaan aktif murid dalam proses pembelajaran. Maklumat ringkas mengenai proses intervensi seperti yang berikut.

## Jadual 1

*Pelaksanaan Intervensi*

Tahun 3	Kaedah Pengajaran Secara Eksplisit
Prapenulisan (Membina kemampuan murid secara bertahap)	Pengenalan: bercerita mengenai gambar menggunakan strategi Tanya dan Respons Penerangan dan modeling: struktur teks, elemen naratif Latihan terbimbing: latihan menandakan elemen naratif dan bahagian teks dengan menggunakan kad anotasi
Semasa Menulis	Latihan terbimbing: melakar karangan secara bertahap (membina kosa kata, menggunakan strategi Tanya dan Respons untuk membina isi karangan Latihan Kendiri: menulis karangan yang lengkap, menyemak draf dengan menggunakan senarai semak Menerbitkan karangan
Pascapenulisan	Penutup: Penilaian sendiri - membuat refleksi dan melengkapkan borang rubrik dan pas keluar
Tahun 5	Kaedah Pengajaran Secara Eksplisit
Prapenulisan (Menyemak dan mengukuhkan pemahaman murid)	Pengenalan: Ciri karangan naratif (menggunakan teks naratif dan rutin berfikir Fikir -Tulis dan peta pemikiran, iaitu peta buih), sudut pandangan dan permulaan karangan Penerangan dan Modeling: menjana idea menggunakan deria, penggunaan kata adjektif untuk menjelaskan perihal watak, penggunaan penanda penghubung
Semasa Menulis	Latihan Terbimbing: melakar karangan dengan menggunakan templat lakaran karangan, berkongsi idea Latihan Kendiri: menulis karangan yang lengkap, menyemak draf dengan menggunakan senarai semak Menerbitkan karangan
Pascapenulisan	Penutup: Penilaian sendiri – menggunakan rubrik penilaian dan borang refleksi

**Subjek Kajian**

Subjek kajian bagi praintervensi melibatkan seramai 100 orang guru sekolah rendah. Subjek kajian bagi pascaintervensi melibatkan 97 orang guru yang sudah menghadiri kursus PKBGB (Tiga orang guru yang memberi maklum balas bagi praintervensi tidak memberikan respons bagi pascaintervensi). Kajian ini juga mengumpulkan data daripada guru yang menghadiri kursus PKBGB. Seramai 126 guru yang terlibat. Bagi meninjau pencapaian murid, 40 orang murid T3 dan 60 orang murid T5 yang terlibat daripada empat buah sekolah.

**Instrumen Kajian**

Instrumen kajian merupakan soal selidik dan juga rubrik maklum balas murid. Skala pengukuran bagi mentadbir soal selidik dan tujuan pengukuran menggunakan skala Likert yang diberikan mata 1 hingga 4. Pemberian skor mata adalah seperti berikut:

- 1 - Sangat Tidak Setuju
- 2 - Tidak Setuju
- 3 - Setuju
- 4 - Sangat Setuju

Skor bagi rubrik penilaian murid pula diberikan perinciannya seperti yang berikut:

- 1 - Hampir Boleh
- 2 - Boleh
- 3 - Sangat Boleh

Skor ini juga ditandakan dengan lambang bintang bagi memudahkan pemahaman murid. Selain itu, kajian ini juga mengumpulkan data deskriptif berdasarkan maklum balas guru dan murid yang merupakan respon bebas.

Soalan tinjauan pra-intervensi bagi maklum balas guru seperti yang berikut.

1. a. Bahan gambar bersiri yang terdapat dalam pakej CEKAP mencukupi bagi Tahun 3  
b. Bahan gambar bersiri yang terdapat dalam pakej CEKAP mencukupi bagi Tahun 4  
c. Bahan gambar bersiri yang terdapat dalam pakej MEKAR mencukupi bagi Tahun 5  
d. Bahan gambar bersiri yang terdapat dalam pakej MEKAR mencukupi bagi Tahun 6
2. Terdapat keselarasan gambar bersiri yang dihasilkan oleh pihak vendor swasta dengan topik yang diajarkan
3. Guru mengusahakan sendiri gambar bersiri dan memastikan gambar bersiri selaras dengan topik yang diajarkan
4. Guru memerlukan masa yang panjang untuk mendapatkan/menghasilkan gambar bersiri yang sesuai dengan topik
5. Guru menggunakan bahan yang dijual oleh pihak vendor swasta
6. Guru menggunakan bahan daripada kertas latihan/peperiksaan yang lama
7. Guru membina sendiri bahan gambar bersiri

Soalan tinjauan pasca-intervensi bagi maklum balas guru seperti yang berikut:

1. Gambar bersiri yang terdapat dalam Pakej Penulisan Karangan Berdasarkan Gambar Bersiri (PKBGB) yang dihasilkan oleh MLCS selaras dengan topik yang terdapat dalam Buku Teks dan Buku Aktiviti.
2. Guru dapat melaksanakan pengajaran dengan lebih baik dengan menggunakan gambar bersiri yang dibina oleh MLCS
3. Guru dapat melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan strategi yang disarankan dalam Pakej (PKBGB) dibilik darjah
4. Guru dapat menerapkan pengetahuan bahasa selaras dengan topik seperti yang disarankan dalam PKBGB



## Dapatan Kajian dan Perbincangan

### Dapatan Praintervensi

Penelitian terhadap taburan PdP penulisan karangan dijalankan bagi memberikan pemahaman yang jelas komponen karangan yang dihasratkan bagi pendidikan sekolah rendah. Dapatan taburan dapat dilihat dalam Jadual 2.

Jadual 2

*Gambaran Keseluruhan PdP Penulisan Karangan bagi Sekolah Rendah*


Tahun 1-2	Tahun 3	Tahun 4	Tahun 5	Tahun 6
Jumlah Perkataan				
satu gambar	empat gambar bersiri	empat gambar bersiri	lima gambar bersiri dan satu petak kosong	lima gambar bersiri dan satu petak kosong
Objektif Pelajaran				
Menulis ayat mudah mengenai topik yang berkaitan dengan diri, keluarga dan sekolah dengan bimbingan.	Menulis perenggan mengenai topik yang berkaitan dengan diri, keluarga dan sekolah.	Menulis perenggan mengenai topik berkaitan dengan diri, keluarga, sekolah dan masyarakat.	Menulis teks mengenai topik yang berkaitan dengan diri, keluarga, sekolah dan masyarakat.	Menulis teks mengenai topik yang berkaitan dengan diri, keluarga, sekolah dan masyarakat.
Fokus Penilaian				
Kosa kata mengisikan tempat kosong – (FIB) lima perkataan	Kandungan dan bahasa 60 perkataan	Kandungan, bahasa dan pemerenggan 100 perkataan	Kandungan, bahasa dan organisasi 120 perkataan	Kandungan, bahasa dan organisasi 150 perkataan

Berdasarkan taburan dalam Jadual 1, terdapat jurang yang besar bagi jumlah perkataan antara T2 dengan T3. T2 hanya memerlukan murid menggunakan lima perkataan, manakala T3 60 patah perkataan. Murid-murid yang kurang penguasaan bahasa akan mengalami kesukaran untuk menghasilkan karangan sejumlah 60 patah perkataan. Menjadi cabaran yang besar bagi guru membina kemampuan murid mengarang walaupun terdapat komponen sintaksis, iaitu pola ayat yang diajarkan kepada murid T1 dan T2. Selain itu, akan menjadi rumit lagi jika penguasaan kosa kata murid juga lemah kerana tuntutan bagi penilaian memberikan tumpuan pada kandungan dan bahasa bagi murid T3. Hal ini selaras dengan pandangan Ann Raimes<sup>9</sup> bahawa pengetahuan tatabahasa penting bagi pengukuhkan penulisan murid. Dalam proses mengarang, murid perlu tahu

membina dan menyusun ayat mereka. Penggubal kurikulum perlu memberikan perhatian yang sewajarnya berkaitan isu ini.

Bagi T4 dan seterusnya didapati terdapat pemeringkatan yang lebih baik dari T4 hingga T6. Jumlah perkataan bertambah tidak begitu besar julatnya, iaitu 20 perkataan antara T4 dengan T5 dan 30 perkataan antara T5 dengan T6. Namun julat bagi antara T3 dan T4 masih dianggap julat yang besar, iaitu 40 perkataan. Dalam proses penulisan, hal ini memerlukan kecekapan guru membina kemampuan murid secara berperingkat. Guru perlu menyusun dan membuat perancangan agar pada akhir T4 murid dapat menulis sekurang-kurangnya 100 patah perkataan. Seperti yang diujikan oleh Siti Hajar<sup>1</sup>, selepas murid berada dalam alam persekolah enam tahun di sekolah rendah, murid masih mempunyai masalah untuk menyusun idea, pengetahuan kosa kata dan jumlah tatabahasa yang terbatas.


Berdasarkan hasil tinjauan ini, penelitian seterusnya dilakukan bagi meneliti taburan Gambar Bersiri yang terdapat dalam pakej CEKAP dan MEKAR. Dapatan kajian menunjukkan, hanya bahan PKBGB bagi T4 yang paling banyak, iaitu sembilan Gambar Bersiri berdasarkan 12 topik berbanding dengan peringkat yang lain. T3 dan T5 mempunyai bilangan yang paling rendah, hanya satu PKBGB. Sila rujuk Rajah 1.



Rajah 1. Taburan gambar bersiri dalam pakej CEKAP P1-P4 dan MEKAR P5-P6

Berdasarkan dapatan taburan dalam Rajah 1, tidak terdapat keseimbangan dari segi jumlah PKBGB yang terdapat dalam Buku Teks CEKAP dan MEKAR. Pada T3 guru memerlukan masa untuk membimbing murid menulis karangan. Oleh itu, guru tidak memberikan fokus pada pembinaan bahan PKBGB. Untuk menghasilkan gambar bersiri juga memerlukan kemahiran khusus yang dipunyai oleh ilustrator. Seperti yang dinyatakan dalam maklum balas guru, rata-rata mereka menggunakan *clipart* untuk menyusun gambar. Namun, mereka menghadapi kesukaran untuk mendapatkan gambar yang sesuai dengan topik PdP.


Berdasarkan respons guru terhadap taburan bahan PKBGB, dapatan kajian menunjukkan, bagi T3, 50% menyatakan Sangat Tidak Setuju (STS) dan 50% Tidak Setuju (TS) bahawa terdapat bahan PKBGB mencukupi dalam Pakej CEKAP. Bagi T5, 32% STS dan 67% TS manakala T6 pula, 37% STS dan 62% TS. Sila rujuk Rajah 2.



Rajah 2. Soalan 1 - Respons guru terhadap bahan PKBGB dalam pakej CEKAP dan MEKAR

Dapatan daripada respons guru ini menyokong tinjauan MLCS mengenai taburan bahan PKBGB yang ditunjukkan dalam Rajah 1. Dapatan ini menjadi keprihatinan pihak MLCS. Selain guru membina sendiri bahan PKBGB, apakah usaha lain yang guru lakukan agar dapat mengajar penulisan karangan dengan lebih baik? Dapatkah guru membina kemampuan menulis dengan menggunakan bahan yang tidak selaras dengan topik unit? Penelitian ini menunjukkan guru berkemungkinan sukar mengaitkan pengetahuan dan pengalaman murid dengan topik yang mereka pelajari semasa mengajar penulisan karangan. Berdasarkan maklum balas guru semasa kursus dijalankan mereka menyuarakan keprihatinan mereka antaranya mengenai tiadanya contoh dalam Buku Teks mengenai karangan berpandu, proses pengajaran penulisan karangan, iaitu cara menulis yang bertahap dan latihan menulis kurang mencukupi. Guru juga mendapati pemerinkatan yang amat mendadak daripada segi hasil pembelajaran. Guru juga mendapati pembelajaran tidak menjurus kepada penulisan karangan tetapi hanya memerlukan pemahaman murid mengenai idea utama sahaja. Perancangan yang dilakukan didapati kurang kemas.

Soalan 2 hingga 4 merupakan tinjauan mengenai bahan PKBGB yang dihasilkan oleh pihak vendor swasta dan bahan yang perlu dihasilkan oleh guru sendiri. Bagi soalan 2, dapatan kajian menunjukkan, guru-guru menyatakan STS 90% dan TS 10% bagi bahan yang dibeli daripada pihak vendor swasta menepati kehendak topik pembelajaran. Bagi soalan 3 pula, 52% bagi STS dan 48% TS menyatakan guru perlu menghasilkan bahan mereka sendiri untuk memastikan terdapat keselarasan dengan topik yang diajar. Dapatan bagi soalan 4 menunjukkan guru SS yang mereka memerlukan masa yang panjang jika menghasilkan bahan PKBG sendiri, iaitu 77% SS dan 20 Setuju.




Rajah 3. Soalan 2-4 respons guru mengenai bahan yang dihasilkan oleh pihak swasta dan bahan yang perlu dihasilkan oleh guru

Dapatan ini menjelaskan bahawa menggunakan bahan yang dibeli daripada pihak vendor swasta mempunyai hambatan bagi proses PdP penulisan karangan. Guru berpendapat bahan yang dibeli daripada pihak swasta tidak diselaraskan dengan topik pelajaran yang terdapat sama ada dalam Pakej CEKAP atau MEKAR. Namun, guru masih membelinya kerana faktor masa untuk menghasilkannya dan juga faktor kemahiran untuk membuat ilustrasi. Dalam proses pengajaran, guru memerlukan masa yang panjang sedikit untuk membina pemahaman murid, dan membina kosa kata murid sebelum murid membina draf karangan mereka. Guru perlu juga meneliti bahan yang terdapat dalam kedua-dua Pakej sama ada terdapat maklumat yang dapat digunakan semula bagi sesuatu pengajaran penulisan karangan. Ini yang ditegaskan dalam kertas kajian Lai Lee Chung, Chin Hai Leng dan Chew Fong Peng<sup>18</sup>. Mereka mengemukakan soalan soal selidik mengenai keselarasan tajuk karangan dengan topik yang diajarkan. Dapatan mereka menunjukkan jika guru dapat mengaitkan topik dengan tajuk karangan, hal ini pasti menyokong proses pembelajaran murid.

Seterusnya terdapat tiga soalan bagi tinjauan terhadap kekerapan penggunaan bahan PKBGB yang dihasilkan oleh pihak vendor swasta, guru menghasilkan gambar sendiri dan menggunakan bahan daripada kertas latihan/peperiksaan lama.

Dapatan kajian menunjukkan bagi soalan 5, guru menggunakan bahan yang dijual oleh pihak vendor swasta, 77% menyatakan Sangat Sering dan 27% Sering. Bagi Soalan 6 pula, guru menggunakan bahan daripada kertas latihan dan peperiksaan lama, 66% menyatakan Sangat Sering dan 34% Sering. Manakala bagi Soalan 7 pula, sama ada guru membina sendiri gambar bersiri, 46% menyatakan Sangat Tidak Sering dan 44% Tidak Sering. Maksudnya guru lebih kerap membelinya daripada pihak vendor swasta. Sila rujuk Rajah 4.



Rajah 4. Respons guru mengenai kekerapan penggunaan bahan PKBGB

Seperti yang dinyatakan, guru menggunakan bahan yang dibeli daripada vendor swasta berdasarkan dua faktor utama, iaitu masa dan juga kebolehan mereka sebagai ilustrator. Oleh itu, sebagai jalan alternatif, bahan-bahan yang dihasilkan oleh pihak swasta menjadi keutamaan guru kerana lebih cepat dan mudah didapatkan. Berdasarkan maklum balas guru, terdapat beberapa vendor swasta yang menjual bahan PKBGB. Bagi memenuhi keperluan PdP, guru juga terpaksa menggunakan semula kertas latihan dan kertas peperiksaan lama untuk tujuan peperiksaan untuk kumpulan yang berbeza. Kesahihan sesuatu kertas peperiksaan itu boleh dijadikan pertikaian antara guru dan juga ibu bapa.

Dapatan praintervensi ini memberikan indikator untuk MLCS merancang tindakan lanjut agar masalah dan cabaran yang dihadapi oleh guru dapat diatasi.

## Dapatan Pascaintervensi

Lanjutan daripada dapatan data pra-intervensi, usaha intervensi dijalankan dengan pembinaan bahan Pakej PKBGB, pelaksanaan uji coba bahan, pemurnian kandungan bahan dan selanjutnya melaksanakan kursus. Seterusnya, guru-guru yang telah menghadiri kursus menggunakan bahan tersebut di sekolah masing-masing. Berdasarkan kursus yang dijalankan, respons guru amat memberangsangkan. Semua guru 100% (126 guru) memberi respons antara SS dengan Setuju bahan yang disediakan oleh MLCS memenuhi keperluan pembelajaran mereka. Semua guru menyatakan bahawa mereka dapat mengaplikasikan apa yang dipelajari dan kursus ini memenuhi keperluan pembelajaran mereka. Sila rujuk Jadual 3.

### Jadual 3

*Maklum Balas Guru mengenai Kursus Penulisan Karangan Gambar Berdasarkan Gambar Bersiri*

No	Item	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
1	Bahan pembelajaran PKBGB memenuhi keperluan pembelajaran guru.	71%	29%	0	0
2	Saya boleh mengaplikasikan apa yang dipelajari.	75%	25%	0	0
3	Kursus ini memenuhi keperluan pembelajaran saya.	76%	24%	0	0

N= 126 guru

Berdasarkan maklum balas respons bebas, guru mendapati kursus ini memberikan mereka banyak idea bagaimana hendak mengajar murid secara berperingkat-peringkat. Mereka lebih memahami keperluan melakukan perancangan. Kesedaran ini penting kerana dalam proses mengajar, guru bukan semata-mata mengejar masa bagi menyudahkan pelajaran tetapi membina kemampuan dan minat murid untuk menulis menjadi keutamaan. Guru juga mendapati bahan-bahan pengajaran seperti contoh permulaan karangan, elemen naratif, membuat anotasi teks, membina lakaran karangan seperti peta cerita merupakan perkara yang amat baik sekali. Seperti yang dijelaskan oleh Ahmad Khair<sup>2</sup> penguasaan kemahiran menulis karangan tidak hanya bergantung pada sikap dan bakat murid tetapi juga keberkesanan proses PdP penulisan karangan itu sendiri.

Lanjutan daripada menghadiri kursus, guru-guru mengaplikasi penggunaan bahan dan strategi yang disarankan dalam pakej PKBGB. Dapatan kajian menunjukkan hasil uji coba guru memberikan respons yang positif. Guru menyokong dengan SS (93%) dan Setuju (7%) bahawa gambar bersiri yang diberikan amat selaras dengan topik yang terdapat dalam buku teks dan aktiviti. Guru juga dapat melaksanakan PdP dengan lebih berkesan dengan jumlah respons SS (82%) dan Setuju (18%). Selain itu, guru juga dapat melaksanakan PdP berdasarkan strategi yang disarankan dalam pakej tersebut. Tambahan lagi, guru dapat menerapkan pengetahuan bahasa yang selaras dengan topik karangan, iaitu SS (77%) dan Setuju (23%). Sila rujuk Jadual 3.

Jadual 4

Maklum Balas Guru Mengenai Bahan PKBGB dan Pelaksanakan Pengajaran PdP Penulisan Karangan


No	Item	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
1	Gambar bersiri yang terdapat dalam Pakej Penulisan Karangan Berdasarkan Gambar Bersiri (PKBGB) yang dihasilkan oleh MLCS selaras dengan topik yang terdapat dalam Buku Teks dan Buku Aktiviti.	93%	7%	0	0
2	Guru dapat melaksanakan pengajaran dengan lebih baik dengan menggunakan gambar bersiri yang dibina oleh MLCS.	79%	21%	0	0
3	Guru dapat melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan strategi yang disarankan dalam Pakej (PKBGB) dibilik darjah.	82%	18%	0	0
4	Guru dapat menerapkan pengetahuan bahasa selaras dengan topik seperti yang disarankan dalam PKBGB. Contoh: Jika guru mengajar kata adjektif dalam unit tersebut, guru boleh mendapatkan murid menggunakan kata adjektif dalam penulisan mereka.	77%	23%	0	0

N= 97 guru

Hasil dapatan ini amat bertepatan dengan keperihatinan guru dalam maklum balas praintervensi. Dengan adanya bahan PdP yang selaras dengan topik yang terdapat dalam Buku Teks dan Buku Aktiviti, guru dapat melaksanakan PdP dengan lebih berkesan. Tambahan pula, strategi yang disarankan amat berkesan kerana strategi yang disarankan pelbagai bagi kumpulan murid yang pelbagai peringkat. Proses pengajaran penulisan karangan yang bermula dengan pramenulis, semasa menulis dan pascamenulis memerlukan perancangan yang teliti dan masa yang sedikit panjang. Namun, guru mendapati amat berbaloi kerana terdapat peningkatan terhadap hasil kerja murid selepas melalui usaha intervensi ini. Sila rujuk contoh hasil kerja murid T3 dan T5. Guru juga dapat menyediakan bilik darjah yang kondusif bagi menyokong pembelajaran. Menyokong pembelajarna murid dapat menambah baik komunikasi dan kemahiran berfikir murid.


Contoh Hasil Kerja Murid Tahun 3: Contoh Anotasi Teks - Mengenal Elemen Naratif

<sup>masa</sup> Waktu rehat sudah tiba. Ramai murid di <sup>Lt</sup> kantin.  
<sup>Watak U</sup> Farah sudah membeli semangkuk mi sup. Farah  
berasa sangat lapar. Farah <sup>W</sup> mencari tempat duduk.  
Semasa Farah hendak mencari tempat duduk,  
Farah <sup>M</sup> berlanggar dengan rakannya, Farid <sup>ws</sup> Farah  
terjatuh. Mi supnya tertumpah ke lantai. Lina dan  
Farid <sup>sn</sup> menolong Farah. Mereka membawa Farah ke  
tempat duduk. Selepas itu Lina membelikan  
semangkuk mi sup untuk Farah. Farah berasa  
gembira.




BIjak Atiqa, Alik Iffah, Myreen

<sup>Lm</sup> Waktu rehat sudah tiba. Ramai murid di <sup>Lt</sup> kantin.  
<sup>Wu</sup> Farah sudah membeli semangkuk mi sup. Farah  
berasa sangat lapar. Farah mencari tempat duduk.  
Semasa Farah hendak mencari tempat duduk,  
Farah <sup>M</sup> berlanggar dengan rakannya, Farid <sup>Ws</sup> Farah  
terjatuh. Mi supnya tertumpah ke lantai. Lina dan  
Farid <sup>W</sup> menolong Farah. Mereka membawa Farah ke  
tempat duduk. Selepas itu Lina <sup>tolong</sup> membelikan  
<sup>sn</sup> semangkuk mi sup untuk Farah. Farah berasa  
gembira.




Celia (Farah, Nurul Hafsyah, Nurul Hafsyah)

<sup>Lm</sup> Waktu rehat sudah tiba. Ramai murid di <sup>Lt</sup> kantin.  
<sup>u W</sup> Farah sudah membeli semangkuk mi sup. Farah  
berasa sangat lapar. Farah mencari tempat duduk.  
Semasa Farah hendak mencari tempat duduk,  
Farah <sup>W</sup> berlanggar dengan rakannya, Farid <sup>ws</sup> Farah  
<sup>M</sup> terjatuh. Mi supnya tertumpah ke lantai. Lina dan  
Farid <sup>W</sup> menolong Farah. Mereka membawa Farah ke  
tempat duduk. Selepas itu Lina <sup>tolong</sup> membelikan  
<sup>sn</sup> semangkuk mi sup untuk Farah. Farah berasa  
gembira.



Ww Patricia


<sup>Lm</sup> Waktu rehat sudah tiba. Ramai murid di <sup>Lt</sup> kantin.  
<sup>Wu</sup> Farah sudah membeli semangkuk mi sup. Farah  
berasa sangat lapar. Farah mencari tempat duduk.  
Semasa Farah hendak mencari tempat duduk,  
Farah <sup>M</sup> berlanggar dengan rakannya, Farid <sup>Ws</sup> Farah  
terjatuh. Mi supnya tertumpah ke lantai. Lina dan  
Farid <sup>W</sup> menolong Farah. Mereka membawa Farah ke  
tempat duduk. Selepas itu Lina <sup>tolong</sup> membelikan  
<sup>sn</sup> semangkuk mi sup untuk Farah. Farah berasa  
gembira.



Ww Patricia

Contoh Hasil Kerja Murid Tahun 3: Penulisan Karangan Berdasarkan Gambar Bersiri

**Gambar 1: Pengenalan/Permulaan Karangan**




**Kosa Kata**

- menyikat rambut ✓
- bilik tidur ✓
- melihat cermin ✓
- bersih/kemas ✓
- gembira ✓

Siapa (Watak)	Farah ✓
Di mana (Latar)	bilik tidur ✓
Bila (Latar)	pagi, enam pagi ✓
Apa	menyikat rambut/mengemas bilik ✓
Mengapa	kemas, cantik ✓
Bagaimana	gembira, bersih (firasat) ✓

Pada pukul enam pagi, Farah beriya ke sekolah. Setelah dia sudah mengemas bilik tidurnya, dia menyikat rambut sambil melihat cermin. Farah berasa gembira kerana dia kelihatan cantik dan wangi.

**Gambar 2: Pertengahan Karangan**




**Kosa Kata**

- mengikat tali kasut ✓
- koridor ✓
- ibu ✓
- lakukan sendiri ✓
- teruja/gembira/bangga ✓

Siapa (Watak)	Farah/ibu ✓
Di mana (Latar)	koridor ✓
Bila (Latar)	enam tiga puluh pagi ✓
Apa	mengikat tali kasut ✓
Mengapa	Lina boleh mengikat tali kasutnya sendiri ✓
Bagaimana	gembira, berhati-hati, cermat ✓

Selepas Farah sudah bersiap, dia ke koridor untuk mengikat tali kasut. Ibu Farah amat bangga dengan anaknya kerana Farah boleh mengikat tali kasutnya dengan kemas. Farah berasa teruja ketana hari ini hari pertama sekolah dan dia berada di darjah tiga.

**Gambar 3: Pertengahan Karangan**




**Kosa Kata**

- mengikat tali kasut ✓
- Laila ✓
- kantin sekolah ✓
- menangis kerana tali kasutnya berbuka ✓
- sedih ✓

Siapa (Watak)	Farah/Laila ✓
Di mana (Latar)	kantin sekolah ✓
Bila (Latar)	waktu rehat ✓
Apa	menolong Laila mengikat tali kasut ✓
Mengapa	Laila menangis kerana tali kasutnya berbuka ✓
Bagaimana	sedih, besar hati ✓

Semasa waktu rehat, Farah melihat seorang murid darjah satu menangis kerana tali kasutnya berbuka. Farah bertanya ke arah murid itu yang menangis. Murid darjah satu itu sedih kerana tali kasutnya berbuka. Farah membantu murid itu mengikat tali kasutnya, Farah berasa besar hati.

**Gambar 4: Penutup**



**Kosa Kata**

- kantin sekolah ✓
- menunjuk ✓
- Laila, Farah ✓
- gerai makanan ✓
- gembira ✓

Siapa (Watak)	Laila, Farah ✓
Di mana (Latar)	kantin sekolah ✓
Bila (Latar)	waktu rehat ✓
Apa	Laila menunjuk ke arah gerai makanan ✓
Mengapa	Laila berasa lapar ✓
Bagaimana	gembira ✓

Nama murid perempuan yang Farah telah menolong ialah Laila. Farah bertanya, "Kamu lapar?" Laila mengangguk. Dia menunjuk ke arah gerai makanan yang menjual nasi ayam. Farah membeli nasi ayam untuk Laila. Laila berkata kepada Laila, Farah berasa gembira kerana dia telah menolong seorang murid.



Jadual 5

Contoh Hasil Kerja Murid Tahun 5: Permulaan Karangan

Jenis	Contoh Hasil Kerja Murid
Dialog	Eh, kasihan nenek itu! Lina menuding jari ke arah seorang nenek tua yang duduk bersimpuh lesu di terowong tempat orang lalu-lalang.
Pertanyaan	“Siapakah orang tua itu? Mengapakah dia duduk di situ?” Tanya Ana kepada Laila.
Latar	Kilat sabung-menyabung. Guruh berdentam-dentum. Titik-titik hujan mula turun. Sifa dan Sarah berlari mencari tempat teduh. Mata mereka terpaku apabila melihat seorang nenek tua yang compang-camping duduk di tepi tembok.
Imbas kembali	Aku dan Bibah berjalan di bazar Ramadan. Kami ingin membeli juadah berbuka puasa. Aku terpancang seorang wanita tua meminta sedekah dengan pakaian compang-camping. Wanita itu mengingatkan aku akan peristiwa seorang nenek tua yang ditinggalkan oleh keluarga semasa hari hujan lebat. Nenek tua itu kesejukan. Aku sempat memberikan makanan yang ada di tanganku. Tidak sampai hati aku meninggalkannya sendirian di situ. Lamunanku tersentak apabila Budi menarik tanganku.

Contoh Hasil Kerja Murid Tahun 5: Anotasi bagi Elemen Naratif

**Sekeping Kadbod**

**Latar tempat**  
Suasana di pusat penjaja agak riuh. Ramai pekerja bergegas ke pusat makanan tersebut untuk makan tengah hari. Ramai juga yang sedang sibuk menikmati juadah yang telah dibeli. Mami baru keluar dari pejabatnya sedang menunggu rakannya.

**Raden Mas**  
Eshly, Syazlyn Razin dan Adam

Yani. Mereka telah berjanji mahu makan bersama-sama.

Waktu Marni menunggu Yani, dia terpancang seorang wanita tua yang sedang berjalan menuju ke arahnya. Marni mula berasa tidak selesa. Dia berasa rimas apabila seorang wanita tua yang berambut putih datang menghampirinya. Wanita tua yang berpakaian compang-camping itu mengukirkan senyuman kepada Marni, namun senyuman wanita tua itu dibalas Marni dengan wajah yang masam dan marah-marah.

"Nak, boleh beri Mak Cik dua dolar?" pinta wanita tua itu yang kelihatan terketar-ketar.

Permintaan wanita tua itu tidak dibalas. Marni dengan sombongnya meninggalkan tempat itu dengan segera. Dia kelihatan cuba menghubungi rakannya.

Yani namun tidak berjaya. Wanita tua itu hanya memerhatikan Marni pergi dari situ.

Hujan semakin lebat. Marni dengan segera berlari menuju ke kolong bangunan berdekatan. Yani masih belum tiba lagi. Waktu makan tengahari semakin pendek.

Marni yang kelaparan terpaksa pulang ke pejabat. Namun, dia terpaksa berteduh kerana tidak dapat pulang ke pejabat.

Curahan hujan dan kilat sabung menyabung membuat Marni menggigil kesejukan. Bajunya yang basah membuat dia semakin kesejukan. Sewaktu menunggu hujan berhenti, tiba-tiba ada seseorang menghulurkan sekeping kadbod. Marni berasa malu. Wanita tua yang memintanya dua dolar tadi, menghulurkan kepingan kadbod tersebut untuk melindungi Marni daripada terus kebasahan. Wanita itu terus berjalan di dalam hujan yang lebat itu.

**W** -  
**M** -  
**M** -

**K** - dia tidak mahu berikan quit kepada wanita tua itu.

**M** - rakannya tidak tiba

**P** - lamen - melindungi dirinya daripada terus kebasahan

**Sekeping Kadbod**

**Nasry Aqilah**

**BADANG**

**Biru** → Fatimah Hijau → Fizzu

**Latar suasana**  
Suasana di pusat penjaja agak riuh. Ramai pekerja bergegas ke pusat makanan tersebut untuk makan tengah hari. Ramai juga yang sedang sibuk menikmati juadah yang telah dibeli. Mami yang baru keluar dari pejabatnya sedang menunggu rakannya.

Yani. Mereka telah berjanji mahu makan bersama-sama.

Sewaktu Marni menunggu Yani, dia terpancang seorang wanita tua yang sedang berjalan menuju ke arahnya. Marni mula berasa tidak selesa. Dia berasa rimas apabila seorang wanita tua yang berambut putih datang menghampirinya. Wanita tua yang berpakaian compang-camping itu mengukirkan senyuman kepada Marni, namun senyuman wanita tua itu dibalas Marni dengan wajah yang masam dan marah-marah.

"Nak, boleh beri Mak Cik dua dolar?" pinta wanita tua itu yang kelihatan terketar-ketar.

Permintaan wanita tua itu tidak dibalas. Marni dengan sombongnya meninggalkan tempat itu dengan segera. Dia kelihatan cuba menghubungi rakannya.

Yani namun tidak berjaya. Wanita tua itu hanya memerhatikan Marni pergi dari situ.

Hujan semakin lebat. Marni dengan segera berlari menuju ke kolong bangunan berdekatan. Yani masih belum tiba lagi. Waktu makan tengahari semakin pendek. Marni yang kelaparan terpaksa pulang ke pejabat. Namun, dia terpaksa berteduh kerana tidak dapat pulang ke pejabat.

Curahan hujan dan kilat sabung menyabung membuat Marni menggigil kesejukan. Bajunya yang basah membuat dia semakin kesejukan. Sewaktu menunggu hujan berhenti, tiba-tiba ada seseorang menghulurkan sekeping kadbod. Marni berasa malu. Wanita tua yang memintanya dua dolar tadi, menghulurkan kepingan kadbod tersebut untuk melindungi Marni daripada terus kebasahan. Wanita itu terus berjalan di dalam hujan yang lebat itu.

**Gyabas!**  
**bijak sangat!**

**K** - dia tidak mahu berikan quit kepada wanita tua itu.

**M** - rakannya tidak tiba

**P** - lamen - melindungi dirinya daripada terus kebasahan

Jadual 6

## Penilaian Kendiri Murid Tahun 3

No	Item	Sangat Boleh ★ ★ ★	Boleh ★ ★	Hampir Boleh ★
	Saya boleh ...			
1	mengeja dengan betul.	87.50%	12.50%	0
2	menulis tanda baca dengan betul.	95%	5%	0
3	menceritakan watak dengan jelas.	80%	20%	0
4	menceritakan latar dengan jelas.	75%	25%	0
5	menceritakan masalah dengan jelas.	75%	25%	0
6	Menulis bahagian karangan dengan baik:			
	Pengenalan	87.50%	12.50%	0
	Isi	75%	25%	0
	Penutup	87.50%	12.50%	0

N= 40 murid

Jadual 7

## Penilaian Kendiri Murid Tahun 5

No	Item	3 Sangat Boleh	2 Boleh	1 Hampir Boleh
1	Organisasi	67.50%	55.0%	0
2	Kandungan	33.33%	66.67%	0
3	Tanda Baca/Ejaan	91.7%	8.3%	0
4	Aspek Mekanis	83.3%	16.7%	0

N= 60 murid

Selepas pelajaran dijalankan sebanyak dua kitaran, guru meminta murid melengkapkan rubrik penilaian sendiri. Terdapat enam item atau soalan bagi T3 yang berkaitan dengan struktur teks, tatabahasa dan elemen naratif. Dapatan menunjukkan bagi elemen naratif, murid-murid dapat menceritakan watak mendapat peratusan yang paling tinggi iaitu 80%, manakala bagi aspek bahasa aspek tanda baca yang paling tinggi iaitu 91%. Bagi aspek struktur teks pula bahagian pengenalan dan penutup yang tertinggi dengan masing-masing mendapat 87.5%.

Bagi rubrik penilaian sendiri T5, terdapat empat item soalan. Sila rujuk Jadual 4. Dapatan kajian menunjukkan penggunaan tanda baca dan ejaan mendapat peratusan yang tertinggi, iaitu 97.7%, aspek mekanis yang kedua tinggi iaitu 83.3%. Analisis ini jelas bahawa aspek tanda baca dan ejaan dapat dikuasai bagi murid T3 dan T5. Analisis kajian menunjukkan murid perlu lebih bimbingan dalam membina isi atau kandungan karangan mereka. Berdasarkan dapatan ini, guru

boleh berusaha untuk mengukuhkan pemahaman murid bagaimana hendak membina isi karangan mereka dengan lebih baik. Ini melibatkan pemahaman murid terhadap elemen naratif dan pengolahan karangan yang lebih menarik. Walau bagaimanapun dapatan ini masih dianggap baik.

### Refleksi Murid

Pada akhir pelajaran, murid dikehendaki melengkapkan borang refleksi mengenai apa yang telah mereka pelajari. Contoh refleksi murid seperti yang berikut:

Jadual 8

*Contoh Refleksi Murid*

No	Refleksi Murid Tahun 3
1	Saya belajar mengenai watak, latar dan masalah
2	Saya dapat mempelajari bahagian teks, iaitu pengenalan, pertengahan dan penutup
3	Saya mengetahui cara memulakan karangan
4	Saya tahu menggunakan dialog sebagai permulaan karangan
5	Saya suka menggunakan kad anotasi teks
6	Saya dapat membina kosa kata dengan bantuan guru
7	Saya suka menulis karangan selepas belajar cara-cara menulis
8	Guru mengajar kami cara menyemak karangan
	<b>Refleksi Murid Tahun 5</b>
1	Saya lebih mengetahui mengenai elemen naratif
2	Saya dapat menggunakan elemen/ciri naratif dalam karangan saya
3	Penggunaan templat karangan membantu saya melakar isi karangan saya
4	Saya belajar menyusun isi karangan
5	Saya dapati kita perlu menyemak dan mengedit karangan kita
6	Guru mengajar kami menulis karangan secara berperingkat
7	Cara guru mengajar kami menulis karangan menarik. Kami belajar pelbagai jenis permulaan karangan. Seronok!
8	Guru menggunakan rutin berfikir untuk menjana idea. Saya suka rutin berfikir Fikir-Tulis

## Jadual 9

## Contoh Refleksi Guru

Dapatan daripada refleksi guru setelah menjalankan uji cuba dikategorikan seperti yang berikut.

Proses Pengajaran	Kandungan	Penilaian	Bahan Pakej PKBGB
Membina perancangan yang berstruktur dan bertahap-tahap bagi pengajaran karangan	Pemahaman yang lebih baik mengenai elemen naratif	Membimbing murid mengedit karangan dengan menggunakan senarai semak	Langkah pengajaran yang sistematik
Aktiviti prapenulisan sebagai satu proses yang baik sebelum murid melakarkan karangan mereka	Menggunakan akronim untuk murid membuat anotasi bagi elemen naratif seperti W -watak, L - latar, M - masalah, M – moral, P - penyelesaian.	Proses membuat anotasi untuk tujuan mengedit membantu murid meneliti hasil kerja mereka	Strategi pengajaran yang menarik yang terdapat dalam buku Penulisan Karangan Berdasarkan Gambar Bersiri
Prapenulisan sangat penting kerana membantu murid merangka karangan dan menjana idea dengan lebih baik	Belajar bagaimana memperluas kosa kata murid untuk menulis kandungan karangan	Membezakan tugas dan apa yang hendak dinilai berdasarkan kebolehan murid	Penggunaan log pembelajaran bagi mencatatkan idea murid semasa sesi perbincangan
Mengenalkan penulisan berperenggan	Menggunakan gambar untuk menjelaskan elemen cerita	Contoh penilaian seperti penggunaan senarai semak, rubrik, pas keluar	Penggunaan bahan-bahan yang disediakan oleh pihak MLCS seperti gambar bersiri, templat penulisan karangan untuk T3 hingga T6, alat penilaian
Menjalankan modeling bagi setiap proses penulisan karangan	Menjana idea dengan menggunakan strategi Menjadikan Pemikiran Jelas ( <i>Making Thinking Visible</i> )	Cara menyunting karangan yang mudah untuk murid sekolah rendah	Membina kemahiran murid secara bertahap-tahap

Berdasarkan refleksi murid, kajian ini mendapati murid dapat mempelajari penulisan karangan dengan lebih baik. Murid juga dapat mengukuhkan pemahaman mereka mengenai elemen naratif dan proses mengedit dan aspek bahasa bagi menjadikan karangan mereka lebih

menarik. Yang lebih penting ialah guru dapat membina keyakinan murid dan murid berasa seronok semasa proses pembelajaran penulisan karangan. Dalam hal ini, guru perlu mempunyai pengetahuan pedagogi yang mendalam agar guru dapat melaksanakan PdP dengan lebih berstruktur, sistematik, meningkatkan kemahiran berfikir murid dan membimbing murid untuk bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka. Melalui refleksi murid, guru dapat mengambil tindakan lanjut untuk menambah nilai PdP penulisan karangan. Seperti yang dijelaskan oleh Bagavathy (2005)<sup>19</sup>, guru-guru yang kurang pengetahuan mengenai pengajaran penulisan karangan akan menghadapi masalah dalam melaksanakan PdP dengan berkesan. Hal ini mengakibatkan penulisan karangan murid tidak memuaskan, timbul kurang minat dan ada sikap negatif. Dhamodarem (2008)<sup>20</sup> dalam kajiannya menjelaskan hal yang berkaitan dengan sikap guru. Dapatannya menunjukkan guru tidak berasa seronok mengajar penulisan karangan kerana memerlukan masa yang panjang, persediaan yang banyak dan kurang pengetahuan menyebabkan kemahiran menulis murid pada tahap yang tidak memuaskan. Oleh itu, guru harus membina pengetahuan dan menggunakan pelbagai strategi pengajaran dan berasa yakin dan cekap dalam melaksanakan PdP penulisan karangan murid-murid.

## **Kesimpulan**

Kajian ini membincangkan keprihatian guru dalam melaksanakan PdP PKBGB. Dalam menangani masalah guru yang bersangkutan dengan bahan pengajaran PKBGB dan juga cabaran mengajar, langkah yang diambil oleh MLCS amat bertepatan dengan menyokong guru dengan menyediakan bahan PdP yang memenuhi keperluan murid, guru dan kurikulum. MLCS juga mengorak langkah membina pakej yang lebih komprehensif dengan menyediakan banyak panduan untuk murid dan guru. Bagi meningkatkan pengetahuan dan pelaksanaan yang berkesan, MLCS juga menjalankan kursus dalam perkhidmatan untuk guru memahami bagaimana Pakej PKBGB dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya. Kesediaan guru menggunakan bahan ini di sekolah menunjukkan iltizam guru untuk menambah nilai PdP PKBGB dan memberikan impak pada pembelajaran murid. Oleh itu, dapatan kajian ini memenuhi objektif kajian yang bertujuan untuk menambah nilai PdP guru dengan sokongan bahan PdP yang relevan dan selaras dengan objektif kurikulum. Sebagai usaha lanjutan, pemantauan dan pengajaran bersama di bilik darjah akan diteruskan bagi memperkasakan guru, mengukuhkan pembelajaran murid dan mengayakan

**Rujukan:**

1. Siti Hajar Abdul Aziz (2009). *Siri pendidikan guru: Bahasa Melayu II*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
2. Ahmad Khair Mohd Noor (2005). Menulis membina ketrampilan berfikir. *Pelita Bahasa Julai 18* (7): 12-14.
3. Kementerian Pendidikan Singapura (2014). Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah. Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Singapura.
4. Frey and Fisher (2008). *Teaching visual literacy*. California: Crown Press.
5. Abdul Rashid dan Norhayat Marzuki (2005). Persepsi guru terhadap penggunaan teknik permainan dan simulasi. *Prosiding seminar pendidikan: Pendidikan untuk Pembangunan Lestari*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
6. Che Zanariah Che Hassan dan Fadzilah Abd Rahman (2011). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. *Jurnal pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1):67-87.
7. Kementerian Pendidikan Singapura (2017). Pakej CEKAP P3. Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Singapura.
8. Kementerian Pendidikan Singapura (2017). Pakej MEKAR P5. Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Singapura.
9. Ann Raimes (1983). *Techniques in teaching*. California: Univeristy Press.
10. Donn Byrne (1988). *Teaching writing skills*. London: Longman.
11. Baptiste Barbot (2011). Essential skills for creative writing in Thinking Skills and Creativity, (Vol 7, pp. 209-223) <https://www.sciencedirect.com/journal/thinking-skills-and-creativity/vol/7/issue/3>
12. Mariam Md Saad (2011). Pengajaran kemahiran penulisan karangan naratif Bahasa Melayu menggunakan kaedah kata Tanya. Projek Sarjana Muda. Fakulti Pendidikan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
13. Haris Fadzilah Kassim (2002). Masalah menulis karangan dalam kalangan pelajar tingkatan empat: Satu kajian kes. Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
14. Noor Azizah Ahmad (2006). Pengaplikasian teori konstruktivisme dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran reka cipta. Projek Sarjana Muda. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
15. Nuraisah Mahmood dan Sanisah Rahim (2014). Kemahiran menulis: suatu kajian pengajaran bagi peningkatan kemahiran penulisan karangan melalui penggunaan frasa berbunga. *Prosiding Seminar Bahasa Melayu, Menyemai Bahasa, Menuai Budi* (pp171-179). Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura.
16. Salinah Rahman dan Mohamad Fazlon Abdul Wahab (2016). *Prosiding Seminar Bahasa Melayu, Menjana Inovasi, Memarak Inspirasi* (pp399-410). Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura.
17. Rosenshine, B. (1997). *Advances in research on instruction*. Mahwah NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
18. Lai Lee Chung, Chin Hai Leng dan Chew Fong Peng (2017). Amalan pengajaran guru Bahasa Melayu tingkatan empat dalam penulisan karangan dari aspek kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif serta pembelajaran kolaboratif. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, Bil.4. isu 1. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.

19. A. Chellamal Bagavathy (2005). Mengatasi kelemahan murid menguasai aspek tatabahasa slam Bahasa Melayu melalui permainan bahasa. Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan IPBA.  
[Http://www.web.apps.emoe.go.my/ipba/rdibpa/cd1/articles52.pdf](http://www.web.apps.emoe.go.my/ipba/rdibpa/cd1/articles52.pdf)
20. Jeyagobi a/i Dhamodarem (2008). Persepsi dan sikap guru Bahasa Melayu terhadap kemahiran menulis di sekolah rendah kawasan persiangan-Salinatan daerah Nabawan, Sabah: saru analisis. *Jurnal penyelidikan Institut Perguruan Islam*.  
[Http://www.ipislam.edu.my/penyelidikan](http://www.ipislam.edu.my/penyelidikan)